



KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

#RakyatDidekatiJPJDisenangi

Dengan bertemakan “Rakyat Didekati, JPJ Disenangi”, Jabatan Pengangkutan Jalan hari ini meraikan ulangtahun ke-70 sejarah penubuhannya dalam satu majlis Perutusan Khas Ketua Pengarah JPJ di Ibu Pejabat JPJ, Putrajaya.

Perutusan khas Ketua Pengarah ini dibacakan oleh semua Pengarah Negeri di seluruh Malaysia. Dalam majlis perutusan ini, Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan telah menzahirkan penghargaan yang tidak terhingga kepada seluruh warga JPJ yang telah menyumbang khidmat bakti kepada jabatan dalam memastikan visi dan misi jabatan tercapai.

Selain itu, Ketua Pengarah JPJ juga mengambil peluang dalam majlis ini dengan mengimbau kembali sejarah dan pencapaian JPJ sepanjang tempoh penubuhannya melalui transformasi pembangunan fizikal dan transformasi pembangunan teknologi jabatan. Di samping itu, Ketua Pengarah JPJ juga menyeru supaya seluruh warga JPJ agar mempertingkatkan usaha bagi memberikan perkhidmatan terbaik agar dapat menyentuh hati rakyat.

Majlis Sambutan Hari JPJ Ke-70 Peringkat Kebangsaan akan diadakan secara besar-besaran pada 10 April 2016 di Tempat Letak Kereta Istana Kehakiman, Putrajaya. Pelbagai pengisian aktiviti telah dirancang dalam majlis sambutan ini antaranya, Perbarisan Kontigen, Perarakan Kenderaan Vintage, Tarian Perang, Demonstrasi Pasukan Tindakan Khas, Pameran Agensi Kerajaan, Perkhidmatan Kaunter 1JPJ, Jualan serta Pengurangan Kompaun Saman sehingga 50 peratus.

Dalam majlis yang sama, JPJ juga melancarkan Buku Pengubahsuaian dan Tip Penjagaan Kenderaan. Buku ini membantu untuk memahami fungsi Bahagian Kejuruteraan Automotif serta tip-tip penjagaan kenderaan serta pengenalan awal pemanduan kenderaan. Buku ini juga membantu pemandu dalam mengendalikan sesebuah kenderaan kerana keselamatan nyawa adalah keutamaan bila berada di jalanraya.

**Ibu Pejabat,
Jabatan Pengangkutan Jalan
Malaysia**

1 APRIL 2016

Unit Komunikasi Media | Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia

Tel: 03-88928103

Email: pro.hq@pj.gov.my

Laman Web: www.pj.gov.my

[TAMAT]